BAB

# 3 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

## BAHAGIAN A

*Jawab* **semua** *soalan.*

### 3.1 Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

**1** Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan bijih timah di negeri-negeri Melayu.

| |
|---|
| Berperanan sebagai barang dagangan yang penting. |

Bilakah perdagangan tersebut mula berlaku? BUKU TEKS ms. 58

**A** Zaman Kesultanan Kedah
**B** Zaman Kesultanan Melaka
**C** Zaman Kesultanan Pahang
**D** Zaman Kesultanan Johor

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

**2** Pada abad ke-16 hingga ke-17, Perak berada di bawah naungan kerajaan yang lain. Apakah kerajaan tersebut? BUKU TEKS ms. 59

**A** Kerajaan Siam
**B** Kerajaan Acheh
**C** Kerajaan Pasai
**D** Kerajaan Johor

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

**3** Apakah matlamat pembinaan Kota Belanda di Pulau Pangkor, Perak? BUKU TEKS ms. 59

**A** Mempertahankan negeri
**B** Menyimpan bijih timah
**C** Mengumpulkan hasil hutan
**D** Menempatkan pegawai Barat

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras R

**4** Kawasan manakah yang terlibat dengan perlombongan bijih timah di Perak pada abad ke-17? BUKU TEKS ms. 59

I Larut
II Terung
III Kelian Intan
IV Kuala Kangsar

**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras S

**5** Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Perak.

| Masa | Peristiwa |
|---|---|
| Abad ke-18 | Kemerosotan pengeluaran bijih timah. |

Mengapakah perkara tersebut berlaku? BUKU TEKS ms. 59

**A** Pergaduhan pelombong
**B** Keluaran yang berlebihan
**C** Saingan daripada negara lain
**D** Aktiviti penyeludupan

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras T

**6** Perkembangan aktiviti perlombongan pada abad ke-19 membawa kepada kemunculan beberapa buah bandar.
Apakah bandar-bandar yang terlibat dengan kemajuan tersebut? BUKU TEKS ms. 60

I Papan
II Matang
III Belanja
IV Pangkalan Peguh

**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

**7** Kawasan berikut pernah muncul sebagai pengeluar utama bijih timah dunia.

| |
|---|
| Lembah Kinta |

Bilakah kemunculan tersebut berlaku? BUKU TEKS ms. 60

**A** Akhir abad ke-18
**B** Awal abad ke-19
**C** Akhir abad ke-19
**D** Awal abad ke-20

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

**8** Apakah peranan lokasi berikut terhadap masyarakat tradisional di negara kita? BUKU TEKS ms. 60

| |
|---|
| Kuala Sepetang |

**A** Kawasan kediaman pembesar
**B** Pusat petempatan pekerja asing
**C** Kawasan penanaman padi utama
**D** Pelabuhan mengangkut bijih timah

Memahami | Tajuk 7 | Aras S

**9** Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan pemerintah Selangor.

| Masa | Peristiwa |
|---|---|
| Abad ke-19 | Menjadikan Jugra sebagai pusat pentadbiran Selangor. |

Tokoh manakah yang telah berbuat demikian? BUKU TEKS ms. 61

**A** Raja Jumaat
**B** Raja Abdullah
**C** Sultan Abdul Samad
**D** Sultan Hisamuddin Alam Shah

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S



LIVEWORKSHEETS

10 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan kegiatan perlombongan bijih timah di Selangor.

| |
|---|
| Raja Busu berusaha memajukan kawasan X sebagai pengeluar bijih timah. |

Apakah kawasan X? BUKU TEKS ms. 61

A Lukut
B Kajang
C Semenyih
D Kuala Lumpur

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras R

11 Tokoh berikut terlibat dalam memberikan sumbangan terhadap pembangunan di negara kita.

| |
|---|
| Sutan Puasa |

Apakah kawasan pembangunan yang terlibat? BUKU TEKS ms. 61

A Klang
B Shah Alam
C Kuala Lumpur
D Kuala Selangor

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

12 Apakah hasil galian utama yang terdapat di kawasan berikut? BUKU TEKS ms. 62

| |
|---|
| Raub, Pahang |

A Bijih timah
B Bijih besi
C Tembaga
D Emas

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

13 Apakah kegunaan hasil galian di atas kepada pemerintah tempatan pada masa silam?

BUKU TEKS ms. 62

I Dijadikan mata wang
II Dijadikan alatan senjata
III Dijadikan barang hiasan
IV Dijadikan sebagai hadiah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Memahami | Tajuk 7 | Aras T

14 Istilah berikut diberikan oleh Claudius Ptolemy terhadap negara kita.

| |
|---|
| Golden Khersonese |

Apakah maksudnya? BUKU TEKS ms. 63

A Bumi Emas
B Alatan Emas
C Keindahan Emas
D Semenanjung Emas

Memahami | Tajuk 7 | Aras S

15 Kaedah berikut digunakan dalam aktiviti perlombongan emas di Pahang.

| |
|---|
| Lombong bawah tanah |

Pihak manakah yang telah berbuat demikian? BUKU TEKS ms. 63

A Orang Cina
B Orang Siam
C Orang Melayu
D Orang Eropah

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras R

## 3.2 Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

16 Tokoh manakah yang berperanan penting dalam memajukan Klang sebagai pengeluar bijih timah pada abad ke-19? BUKU TEKS ms. 66

A Raja Kudin
B Raja Mahadi
C Raja Abdullah
D Raja Sulaiman

Mengingat | Tajuk 7 | Aras R

17 Tokoh berikut pernah dilantik oleh pemerintah tempatan untuk menamatkan perang.

| |
|---|
| Tunku Dhiauddin |

Apakah perang yang dimaksudkan? BUKU TEKS ms. 66

A Perang Perak
B Perang Klang
C Perang Pahang
D Perang Kelantan

Mengingat | Tajuk 7 | Aras T

18 Kawasan berikut menjadi rebutan dalam kalangan pembesar tempatan di Negeri Sembilan.

| |
|---|
| Sungai Linggi |

Apakah kepentingannya pada ketika itu? BUKU TEKS ms. 67

A Kawasan bekalan air
B Kawasan pungutan cukai
C Kawasan pusat pentadbiran
D Kawasan pelabuhan perdagangan

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras S

19 Perjanjian Pangkor 1874 yang ditandatangani melibatkan pihak British dan pembesar Melayu.
Pembesar Melayu manakah yang tidak menghadiri perjanjian tersebut? BUKU TEKS ms. 70

I Sultan Ismail
II Raja Abdullah
III Ngah Ibrahim
IV Raja Yusuf

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

20 Apakah faktor yang membawa kepada tindakan British menganjurkan Perjanjian Pangkor? BUKU TEKS ms. 70

A Perselisihan kumpulan pekerja
B Penetapan pelantikan pembesar
C Penggabungan negeri-negeri Melayu
D Pelantikan pegawai tinggi British di negeri Melayu

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras R

21 Pemeteraian Perjanjian Pangkor membawa kepada pengakuan pembesar Perak sebagai Orang Kaya Menteri Larut.
Tokoh manakah yang dimaksudkan? BUKU TEKS ms. 70

A Dato' Sagor
B Ngah Ibrahim
C Long Jaafar
D Raja Ismail

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S



LIVEWORKSHEETS

22 Jawatan berikut diwujudkan semasa pentadbiran British di negara kita.

| Pegawai Konsul |
|---|

Negeri manakah yang terlibat dengan pelantikan pegawai tersebut? BUKU TEKS m.s. 71

A Perak
B Pahang
C Terengganu
D Negeri Sembilan

Memahami | Tajuk 7 | Aras S

23 Siapakah tokoh yang telah dilantik sebagai Pegawai Konsul di Pahang? BUKU TEKS m.s. 71

A Hugh Clifford
B J.W.W. Birch
C J.G Davidson
D Andrew Clarke

Mengingat | Tajuk 7 | Aras R

24 Tokoh berikut pernah dilantik sebagai Residen British.

| Martin Lister |
|---|

Di negeri manakah beliau menjalankan perkhidmatan? BUKU TEKS m.s. 72

A Perak
B Pahang
C Terengganu
D Negeri Sembilan

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

25 Anda hidup semasa pentadbiran British.
Apakah hukuman yang dikenakan kepada anda sekiranya didapati memiliki barang curi? BUKU TEKS m.s. 73

A Dibuang daerah
B Dipenjara empat bulan
C Dikenakan hukuman gantung
D Dijadikan buruh selama 10 bulan

Menganalisis | Tajuk 7 | Aras T

## 3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

26 Pilih pasangan jawapan yang betul berkaitan dengan negeri-negeri yang dimaksudkan oleh bendera berikut: BUKU TEKS m.s. 71



| | Negeri Terlibat | |
|---|---|---|
| A | Kedah | Kelantan |
| B | Pahang | Terengganu |
| C | Selangor | Negeri Sembilan |
| D | Perak | Perlis |

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

## 3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

27 Apakah jawatan yang pernah disandang oleh tokoh berikut dalam pentadbiran kerajaan British di negara kita? BUKU TEKS m.s. 76



Frank Swettenham

I Residen British
II Setiausaha Tanah Jajahan
III Pesuruhjaya Tinggi
IV Residen Jeneral

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Mengingat | Tajuk 7 | Aras T

28 Pada tahun 1909, Majlis Mesyuarat Persekutuan telah ditubuhkan.
Berapakah bilangan Raja-raja Melayu yang menganggotai majlis tersebut? BUKU TEKS m.s. 76

A 3 orang
B 4 orang
C 9 orang
D 11 orang

Mengingat | Tajuk 7 | Aras S

29 Apakah peranan yang diberikan kepada Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909? BUKU TEKS m.s. 77

A Menggubal undang-undang
B Meluluskan undang-undang
C Melaksanakan undang-undang
D Mencadangkan undang-undang

Memahami | Tajuk 7 | Aras R

30 Antara berikut, pihak manakah yang dilantik sebagai ahli Durbar? BUKU TEKS m.s. 77

I Residen
II Gabenor
III Residen Konsuler
IV Pesuruhjaya Tinggi British

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Mengingat | Tajuk 7 | Aras R



LIVEWORKSHEETS